

JAWAPAN

Unit
1

Kenali Moral

Modul PBD

1. Definisi Moral

- Mengikut norma masyarakat
- Tingkah laku yang baik atau buruk
- Mengikut peraturan
- Tingkah laku yang betul atau salah
- Berdasarkan undang-undang
- Diterima agama

2. Baik:

Tingkah laku yang diterima oleh masyarakat

Benar:

Tingkah laku yang betul berdasarkan fakta dan bukti yang sah

Patut:

Tingkah laku yang sesuai dibuat dan diterima oleh masyarakat

3. (a) Hubungan dengan orang lain semakin mesra

- (b) Mendapat kepercayaan dan keyakinan orang lain
- (c) Membantu untuk membuat keputusan yang betul dan tepat

4. (a) Kecewa. Sepatuannya sebagai murid yang lebih 'senior', mereka harus menunjukkan tingkah laku yang baik agar dapat dicontohi oleh murid-murid lain.

(b) Bangga. Sepatuannya murid-murid lain mempunyai kesedaran diri yang tinggi seperti yang ditunjukkan oleh Shamitha dan rakan-rakannya.

5. Baik:

Tindakan Kamal melaporkan kesalahan Kumar dan Hafiz yang membawa dan menggunakan telefon bimbit di kawasan sekolah kepada guru disiplin merupakan perbuatan yang baik.

Benar:

Kumar dan Hafiz telah bercakap benar kerana mengakui kesalahan mereka membawa dan menggunakan telefon bimbit di kawasan sekolah.

Patut:

Tindakan guru disiplin mengenakan hukuman kepada Kumar dan Hafiz adalah patut selepas kesalahan mereka dibuktikan. (Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

6. (a) Baik:

Tindakan Kumar memberitahu Chong bahawa dia terlupa membawa buku teks yang dipinjamnya secara jujur merupakan perbuatan yang baik.

Benar:

Kumar telah bercakap benar kerana mengakui kesalahannya, iaitu terlupa untuk membawa buku teks Pendidikan Moral milik Chong.

Patut:

Tindakan Kumar meminta maaf kepada Chong adalah patut kerana dia terlupa untuk membawa buku teks Pendidikan Moral milik Chong.

(b) Baik:

Tindakan Chong meminjamkan buku teks Pendidikan Moral kepada Kumar merupakan perbuatan yang baik.

Benar:

Chong telah bercakap benar, iaitu dia berasa marah pada mulanya apabila dia mengetahui bahawa Kumar terlupa membawa buku teks Pendidikan Moral miliknya.

Patut:

Tindakan Chong memaafkan kesalahan Kumar adalah patut selepas Kumar mengakui kesilapannya.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

7. (a) Baik:

Tindakan rakan mengajak saya menaiki kereta kabel merupakan perbuatan yang baik.

Benar:

Saya perlu bercakap benar bahawa saya mengalami masalah gayat.

Patut:

Tindakan saya menolak ajakan rakan secara sopan adalah patut kerana saya mengalami masalah gayat.

(b) Baik:

Tindakan saya melaporkan perbuatan kawan baik saya yang meniru dalam peperiksaan merupakan perbuatan yang baik.

Benar:

Rakan saya perlu bercakap benar dengan mengakui kesalahan yang dilakukannya, iaitu meniru dalam peperiksaan.

Patut:

Tindakan guru mengenakan hukuman kepada rakan saya adalah patut selepas kesalahannya dibuktikan supaya rakan saya tidak mengulangi kesalahan itu lagi.

(c) Baik:

Tindakan saya memberitahu guru tentang sebab rakan saya tidak dapat menyertai aktiviti gotong-royong merupakan perbuatan yang baik.

Benar:

Rakan saya perlu bercakap benar dengan memberitahu sebab dia tidak dapat menyertai aktiviti gotong-royong tersebut.

Patut:

Tindakan rakan saya tidak menyertai aktiviti gotong-royong adalah patut kerana dia perlu mendapatkan rehat yang secukupnya.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Power KBAT

1. Tingkah laku bermoral di kantin:

- Beratur semasa membeli makanan
- Meletakkan pinggan mangkuk yang digunakan ke dalam besen yang disediakan
- Duduk di tempat yang disediakan
- Membuang sampah ke dalam tong sampah
- Menutup paip air selepas mencuci tangan

Tingkah laku bermoral di kantin:

- Berebut-rebut semasa membeli makanan
- Berbuat bising seperti menjerit-jerit
- Membazir makanan dan minuman
- Duduk secara tidak sopan
- Meninggalkan pinggan mangkuk yang digunakan di atas meja

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Insan Bermoral Pilihan Hidup

Modul PBD

1. Insan bermoral ialah individu yang berfikiran, berperasaan dan mengamalkan perlakuan yang baik dalam semua tindakan yang dilakukannya.

2. Pemikiran:

- (a) Berfikiran rasional
- (b) Dapat membezakan baik dan buruk
- (c) Dapat membuat keputusan
- (d) Dapat menyelesaikan masalah

Perasaan:

- (a) Gembira
- (b) Sedih
- (c) Kecewa
- (d) Simpati

Perlakuan:

- (a) Bersikap adil
- (b) Berbudi pekerti
- (c) Berperikemanusiaan
- (d) Hormat-menghormati

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

3. (a) (i) Hidup menjadi lebih tenang
 (ii) Mendapat balasan yang baik daripada Tuhan

(b) (i) Mewujudkan kebahagiaan keluarga
 (ii) Mengukuhkan institusi kekeluargaan

(c) (i) Hidup harmoni dan sejahtera
 (ii) Saling menghormati dan bertolak ansur

(d) (i) Alam sekitar terpelihara dan dipulihara
 (ii) Mengelakkan penularan wabak penyakit

(e) (i) Menjaga nama baik negara
 (ii) Memastikan pencabulan hak tidak berlaku

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

4. • Tidak menyebarkan maklumat dan berita palsu

• Tidak menggunakan Internet untuk membahayakan orang lain

• Tidak mengeksplorasi maklumat dan data peribadi pengguna lain

• Tidak menyebarkan virus yang boleh melumpuhkan sistem pihak lain

• Tidak menceroboh fail komputer lain

• Menghormati hak cipta orang lain

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

5. Situasi 1

Hazman perlu menasihati rakan baiknya supaya mengembalikan semua buku rujukan yang dicurinya. Dia juga perlu memberitahu guru pusat sumber sekolah tentang masalah yang dihadapi oleh rakan baiknya itu supaya rakan baiknya dibenarkan meminjam lebih daripada dua buah buku rujukan.

Situasi 2

Rosli perlu memberitahu ibu bapanya tentang keputusan sebenar dan masalah yang dihadapinya dalam proses pembelajaran supaya masalahnya dapat diselesaikan dengan segera melalui kaedah pembelajaran yang lebih efektif.

Situasi 3

Nira perlu menghubungi dan memberitahu syarikat tersebut bahawa dia tidak dapat menghadiri sesi temu duga pada masa yang ditetapkan kerana terpaksa menghantar seorang

lelaki tua yang pengsan di tepi jalan ke hospital terlebih dahulu. Dia boleh meminta pihak syarikat menangguhkan sesi temu duga pada masa lain.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

6. (Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Power KBAT

1. • Tidak wajar
 - Jia Hong perlu menerima keputusan pertandingan dengan hati yang terbuka.
 - Jia Hong perlu menyedari bahawa pertandingan dan persahabatan adalah dua perkara yang berbeza.

2. (a) Berfikiran rasional – Mengetahui bahawa keputusan pertandingan, iaitu mendapat tempat kedua akan menyebabkan Jia Hong berasa kecewa

(b) Dapat menyelesaikan masalah – Memberikan sokongan moral kepada Jia Hong bahawa dia telah melakukan usaha yang terbaik dan menggalakkannya untuk terus berusaha bagi memenangi tempat pertama dalam pertandingan reka cipta pada masa akan datang

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Hidup Bermoral Pemangkin Kesejahteraan

Modul PBD

1. • Menjadi insan yang berakhhlak mulia
 - Mengamalkan integriti
 - Membentuk perpaduan
 - Mempunyai nilai sejagat
 - Mengamalkan kesejahteraan sejagat

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

2. (a) ✓
 (b) ✗
 (c) ✗
 (d) ✗
 (e) ✓
 (f) ✗
 (g) ✓
 (h) ✓

3. (a) (i) Berpakaian sopan
 (ii) Bertegur sapa dengan tetamu lain
 (iii) Berusaha mempelajari adat resam dan kepercayaan kaum lain
 (iv) Tidak menghina pakaian tradisional kaum lain
 (b) (i) Mengambil terlalu banyak makanan pada satu masa
 (ii) Makan dengan gelojoh
 (iii) Bercakap semasa mulut penuh dengan makanan
 (iv) Meninggalkan pinggan mangkuk yang digunakan di atas meja makan

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

4. (a) **Tindakan bermoral:**

Berbincang tentang pelajaran secara sopan dan tidak berbual-bual tentang perkara yang tidak berkaitan dengan pelajaran.

Kebaikan:

Dapat memberikan tumpuan terhadap perbincangan dan menambahkan ilmu pengetahuan.

- (b) **Tindakan bermoral:**

Berdiri tegak dan menyanyikan lagu Negaraku dengan penuh bersemangat.

**Kebaikan:**

Menunjukkan rasa cinta kepada negara dan dapat menyemai semangat patriotik dalam kalangan warga sekolah.

(c) **Tindakan bermoral:**

Memberikan kata-kata semangat kepada jiran dan berdoa agar jiran sembuh dengan cepat.

Kebaikan:

Jiran berasa gembira kerana orang lain mengambil berat terhadapnya serta merapatkan hubungan dengan jiran.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

5. (a) **Tindakan yang perlu anda lakukan:**

Menegur perbuatan pemandu tersebut supaya tidak meletakkan kenderaannya di tempat letak kereta yang disediakan untuk golongan OKU.

Sebab anda perlu bertindak sedemikian:

Memudahkan golongan OKU meletakkan kenderaannya di tempat yang strategik dan berdekatan dengan pintu masuk.

Kesan jika anda tidak bertindak sedemikian:

Hak dan kebajikan golongan OKU terjejas dan akan menyusahkan mereka.

(b) **Tindakan yang perlu anda lakukan:**

Memberikan nasihat kepada adik saya supaya tidak menggunakan telefon bimbit semasa telefon tersebut sedang dicas.

Sebab anda perlu bertindak sedemikian:

Untuk mengelakkan risiko letupan telefon bimbit.

Kesan jika anda tidak bertindak sedemikian:

Membahayakan keselamatan dan nyawa adik saya.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Power KBAT

1. (a) Menunggang motosikal melebihi had laju yang ditetapkan
 (b) Melarikan diri apabila sekatan jalan raya dijalankan
 (c) Menyertai lumba haram
 (d) Melanggar lampu isyarat
2. (a) Pengaruh rakan sebaya
 (b) Kurang didikan agama dan moral
 (c) Ingin mendapatkan keseronokan
 (d) Kurang pemantauan daripada pihak berkuasa
3. (a) Imej diri terjejas
 (b) Keselamatan diri terancam
 (c) Ditangkap oleh pihak polis
4. (a) Menasihati anak-anak supaya tidak mudah terpengaruh oleh rakan dan memantau kegiatan anak-anak
 (b) Melaporkan kegiatan mat rempit kepada pihak polis
 (c) Menjalankan sekatan jalan raya dan melakukan pemantauan dengan lebih kerap

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

• *Nyanik*• *Nyenang*

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

2. (a) • Berpuasa selama sebulan pada bulan Ramadan
 • Bersolat sebanyak lima kali sehari
 • Menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha
 • Membayar zakat fitrah pada bulan Ramadan
- (b) • Menjalankan upacara penyembahan di kuil
 • Membawa buah-buahan, bunga dan buah kelapa untuk dipersembahkan kepada Tuhan
 • Duduk dan bertapa seketika selepas bersebahyang di kuil
 • Menyambut Hari Deepavali
- (c) • Bersebahyang di wat, di tokong atau di rumah
 • Melakukan meditasi
 • Menyambut Hari Wesak
 • Membaca mantera untuk memohon perlindungan
- (d) • Menyanyikan lagu keagamaan
 • Bersebahyang di gereja
 • Membaca kitab Injil
 • Menyambut hari Krismas
- (e) • Menyambut perayaan Vaisakhi
 • Menjalankan upacara keagamaan di gudwara
 • Berdoa kepada Tuhan
 • Berlatih mengawal diri dan mengamalkan lima perkara yang dikenali sebagai Lima K

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

3. • Mendekatkan diri dengan Tuhan
 • Dapat membezakan amalan baik dan buruk
 • Menjadi manusia yang berakhhlak mulia
 • Dapat hidup bahagia dan sejahtera
 • Mengelakkan perkara yang ditegah oleh agama
4. (a) (i) Memakai pakaian yang sopan ketika menghadiri majlis rakan yang beragama Islam.
 (ii) Bertolak ansur dan memberikan laluan kepada rakan yang beragama Islam untuk perarakan Maulidur Rasul.
- (b) (i) Tidak berbuat bising ketika rakan yang beragama Buddha sedang bermeditasi.
 (ii) Memahami upacara kematian rakan yang beragama Buddha yang diiringi dengan pancaragam.
- (c) (i) Elakkan daripada menghidangkan daging ketika menjemput rakan yang beragama Hindu ke jamuan.
 (ii) Memahami dan tidak memarahi rakan yang beragama Hindu melakukan amalan agama dengan bunyi bising.
- (d) (i) Elakkan daripada mengajak rakan yang beragama Kristian untuk melakukan aktiviti pada pagi Ahad.
 (ii) Menghormati dan tidak mengejek rakan yang beragama Kristian semasa menyanyikan lagu keagamaan.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Situasi 1

Saya akan mengizinkan pekerja untuk keluar bersebahyang demi menunaikan tanggungjawab keagamaan.

Situasi 2

Saya akan mematuhi semua peraturan yang ditetapkan di rumah ibadat tersebut dan tidak berbuat bising.

Situasi 3

Saya akan bersikap terbuka dengan tidak memarahi jiran yang membakar mercun kerana tujuan jiran adalah untuk menyambut perayaan Tahun Baru Cina.

**Unit
4**

**Hidup Beragama atau Berkepercayaan
Membawa Berkat****Modul PBD**

1. • Islam
 • Buddha
 • Hindu
 • Kristian
 • Sikh
 • Kinorohingan

Situasi 4

Saya tidak akan berbuat bising semasa bacaan doa dan bertafakur mengikut agama sendiri.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

6. (a) (i) Memakai pakaian yang sopan dan kemas
 - (ii) Bertegur sapa dengan penganjur majlis rumah terbuka
 - (iii) Tidak mengejek pakaian tradisional kaum lain
- (b) (i) Merapatkan hubungan dengan kaum lain kerana wujudnya persefahaman dan pemahaman tentang perayaan yang disambut
 - (ii) Memupuk perpaduan kaum kerana majlis rumah terbuka memberikan peluang kepada semua kaum berinteraksi dan memahami antara satu sama lain
 - (iii) Menghargai usaha penganjur majlis rumah terbuka yang menjemput tetamu pelbagai kaum untuk menghadiri majlis tersebut
- (c) Gembira kerana saya dapat turut serta dalam perayaan yang disambut oleh kaum lain dan memahami budaya mereka.
- (d) • Menyediakan makanan yang boleh dimakan oleh semua kaum
 - Tidak menghina kepercayaan kaum lain

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Power KBAT

1. • Menutup beberapa laluan jalan raya untuk menjalankan perarakan
 - Membantu menjaga keselamatan penganut agama semasa perarakan
 - Memberarkan penganut agama untuk menjalankan perarakan
- (Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
2. • Tidak menghina dan mengejek amalan keagamaan yang lain
 - Memberikan ruang kepada penganut agama lain untuk melakukan amalan agama mereka
 - Tidak mengganggu penganut agama lain melakukan amalan agama mereka
 - Bekerjasama melicinkan perjalanan sambutan perayaan sesuatu kaum
3. • Mengelakkan perpecahan antara kaum
 - Mengeratkan hubungan silaturahim
 - Menjamin keharmonian hidup
 - Menjamin pembangunan negara

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

**Unit
5**
Serlahkan Potensi Diri
Modul PBD

1. Kekuatan diri:
 - (a) Kreatif
 - (b) Petah berbicara
 - (c) Menepati masa
 - (d) Mempunyai daya kepimpinan dan pengurusan
 - (e) Mahir membuat kraf tangan dan melukis
 - (f) Pandai bermain piano

Kelemahan diri:

- (a) Pemalu
- (b) Suka menyendiri
- (c) Pemarah

- (d) Tidak sabar
 - (e) Cepat berasa bosan
 - (f) Mudah mempercayai orang lain
- (Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

2. (a) Saya perlu berani bertutur dalam bahasa Inggeris semasa berbual-bual dengan guru-guru dan rakan-rakan.
 - (b) Saya perlu berfikir sama ada barang itu penting atau tidak penting untuk kegunaan harian.
 - (c) Saya perlu berfikir tentang kesan yang akan dihadapi apabila membuat keputusan supaya tidak mendatangkan kesan buruk.
 - (d) Saya perlu berlatih di hadapan cermin untuk meningkatkan keyakinan diri dan lebih kerap bergaul dengan orang lain.
 - (e) Saya perlu berwaspada apabila mendengar kata-kata orang yang baru dikenali dan tidak mudah terpengaruh oleh kata-kata mereka.
- (Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

3. (a) (i) Penyajak
(ii) Editor
- (b) (i) Jurutera
(ii) Akauntan
- (c) (i) Pelukis
(ii) Arkitek
- (d) (i) Atlet sukan
(ii) Penari
- (e) (i) Penyanyi
(ii) Pencipta lagu
- (f) (i) Pakar motivasi
(ii) Kaunselor
- (g) (i) Pegawai PERHILITAN
(ii) Ahli geologi

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

4. Cara membaiki kelemahan:

- (a) Menyediakan jadual waktu persendirian untuk mengagihkan masa bagi mengulang kaji pelajaran dan menjalani latihan ping pong
- (b) Menyertai latihan ping pong untuk mempelajari teknik bermain yang betul daripada jurulatih berpengalaman

Cara mengatasi ancaman:

- (a) Menggunakan telefon bimbit untuk tujuan yang penting sahaja seperti mencari maklumat yang diperlukan untuk menyiapkan kerja sekolah
- (b) Membahagikan masa untuk mengulangi kaji pelajaran dan berlatih ping pong

Cara menggunakan peluang yang ada:

- (a) Menjadi ahli Kelab Ping Pong dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti yang dianjurkan oleh kelab tersebut
 - (b) Mendaftar dan menyertai pertandingan ping pong untuk mengasah bakat
- (Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

5. (Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Power KBAT

1. (a) Gigih berusaha
(b) Tidak mudah putus asa
 2. (a) Tabah menempuh cabaran dan tidak mudah berputus asa
(b) Sentiasa membaiki kelemahan dan menyerlahkan potensi diri
 3. (a) Dapat mendalamai minat dan kebolehan diri sendiri
(b) Dapat memilih kerjaya yang diminati
(c) Dapat mencapai matlamat hidup seperti yang dirancang
- (Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Unit
6

Hubungan Mesra Keluarga Bahagia

Modul PBD

1. • Mengambil berat terhadap masalah keluarga
 - Meraikan ulang tahun kelahiran anggota keluarga
 - Memberikan layanan yang baik dan sopan kepada anggota keluarga
 - Mematuhi nasihat dan larangan keluarga
 - Berkongsi masa suka dan duka bersama-sama keluarga
 - Memberikan sokongan moral kepada anggota keluarga

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
2. (a) (i) Saling menghormati sesama anggota keluarga
 - (ii) Hubungan mesra dan akrab antara anggota keluarga
 - (iii) Saling membantu antara satu sama lain
 - (iv) Saling menyayangi antara satu sama lain
 - (v) Peka terhadap perasaan anggota keluarga
 (b) (i) Mewujudkan kemesraan antara anggota keluarga
 - (ii) Membina keluarga bahagia
 - (iii) Mengelakkan diri daripada menyakiti dan menyenggung perasaan anggota keluarga
 - (iv) Mengelakkan perselisihan dan pertelingkahan antara anggota keluarga

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
3. (a) (i) Mendengar nasihat dan mematuhi larangan keluarga
 - (ii) meminta izin anggota keluarga sebelum melakukan sesuatu perkara
 (b) (i) Memberikan bantuan kepada anggota keluarga yang menghadapi kesusahan
 - (ii) Membantu ibu bapa melakukan kerja-kerja di rumah bagi meringankan beban mereka
 (c) (i) Berkongsi berita gembira dan duka dengan anggota keluarga.
 - (ii) Sentiasa bertegur sapa serta berhubung antara anggota keluarga walaupun tinggal berjauhan
 (d) (i) Memahami dan peka dengan minat anggota keluarga
 - (ii) Mengakui kesalahan dan meminta maaf jika melakukan kesalahan

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
4. **Situasi 1**
Saya akan memujuk kakak agar tidak terus berasa sedih dan memberikan galakan kepadanya supaya memohon rayuan kemasukan ke universiti tersebut.
- Situasi 2**
Saya akan memberitahu adik bahawa teguran ibu adalah untuk kebaikannya kerana perbuatan adik pulang lewat ke rumah amat berbahaya.
- Situasi 3**
Saya akan menyaksikan persembahan silap mata yang dipersembahkan oleh abang dan merakam video persembahan tersebut supaya boleh dilihat oleh ayah.
- Situasi 4**
Saya akan bertanyakan masalah yang dihadapi oleh kakak dan berusaha untuk menyelesaikan masalahnya itu.
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
5. (a) Berkelah
 - (b) Bersenam
 - (c) Melancong/ bercuti
 - (d) Membersihkan rumah
 - (e) Meraikan hari istimewa
 - (f) Menonton wayang/theater

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

6. (Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Power KBAT

1. • Tidak sanggup
 - Menjaga ibu bapa merupakan tanggungjawab saya
 - Ibu bapa membesar saya dengan penuh kasih sayang
 - Sebagai anak, saya harus menghargai dan membala jasa dan pengorbanan ibu bapa
2. • Sibuk bekerja
 - Kurang didikan agama dan moral
 - Anak-anak menganggap ibu bapa sebagai beban
 - Ibu bapa memilih untuk tinggal di rumah jagaan orang tua
3. • Ibu bapa berasa sedih
 - Ibu bapa mengalami tekanan perasaan
 - Anak-anak mengabaikan tanggungjawab mereka kepada pusat jagaan orang tua
4. (a) Untuk membala jasa ibu bapa yang telah membesar anak-anak dengan penuh kasih sayang
 - (b) Menjaga ibu bapa yang sudah tua dan uzur merupakan tanggungjawab seorang anak
 - (c) Untuk mentaati ibu bapa yang telah banyak berkorban demi anak-anak

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Unit
7

Bijaksana Memilih Sahabat

Modul PBD

1.



(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

2. (a) **Kebaikan:**

Dapat belajar bersama-sama

Contoh:

Mengulang kaji pelajaran bersama-sama sebelum menduduki peperiksaan

- (b) **Kebaikan:**
Dapat melakukan pelbagai aktiviti bersama-sama
Contoh:
Bermain bola sepak pada masa lapang
- (c) **Kebaikan:**
Tidak berasa sunyi dan keseorangan
Contoh:
Berkongsi kegembiraan dan kesedihan bersama-sama
- (d) **Kebaikan:**
Menjalin hubungan silaturahim dengan sahabat pelbagai kaum
Contoh:
Memahami adat resam dan budaya yang diamalkan oleh sahabat berlainan kaum
- (e) **Kebaikan:**
Mendapat bantuan dan sokongan moral secara ikhlas
Contoh:
Mendapat bantuan dan nasihat jika menghadapi sesuatu masalah
- (Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
3. (a) Negatif
(b) Negatif
(c) Positif
(d) Negatif
(e) Positif
(f) Negatif
(g) Positif
(h) Negatif
(i) Positif
(j) Negatif
(k) Positif
(l) Positif
4. • Meluangkan lebih banyak masa bersama-sama keluarga daripada sahabat
• Meminta izin daripada keluarga sebelum berjanji kepada sahabat
• Memberikan keutamaan kepada keluarga berbanding dengan sahabat apabila perlu membuat pilihan
• Menjaga perasaan keluarga melebihi perasaan sahabat
• Tidak keterlaluan dalam memenuhi kehendak sahabat
• Menerima nasihat anggota keluarga berkaitan dengan pemilihan sahabat
- (Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
5. (a) Saya memilih sahabat yang berciri positif seperti ikhlas, baik hati, bersopan santun, prihatin, sedia membantu, dan menggunakan masa dengan berfaedah.
(b) • Memberikan pengaruh yang baik
• Membentuk tingkah laku yang mulia
• Menegur dan memberikan nasihat jika membuat kesalahan
• Memberikan bantuan semasa ditimpa kesusahan
• Memberikan dorongan untuk mencapai kejayaan
- (c) Saya berkemungkinan besar akan terjebak dalam gejala sosial sehingga memusnahkan masa depan saya. Selain itu, imej diri dan keluarga saya juga akan terjejas.
- (Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
6. (a) Saya akan menasihatinya supaya sentiasa mematuhi peraturan sekolah kerana tindakannya itu akan menjelaskan pelajarannya.
(b) Saya akan memberitahu sahabat saya tentang kebaikan menyertai aktiviti kurikulum dan tidak akan terpengaruh dengan ajakannya supaya tidak terlibat dalam aktiviti kurikulum.
- (c) Saya akan menolak ajakan sahabat dengan cara yang sopan dan menasihatinya supaya tidak menipu ibu bapa untuk mendapatkan wang.
(d) Saya akan memberitahu ibu bapanya tentang hal itu kerana perbuatannya amat berbahaya dan boleh meragut nyawa.
- (Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
7. • Saya akan membantu sahabat pada masa yang diperlukan dengan ikhlas.
• Saya akan sentiasa amanah dalam menyimpan rahsia sahabat.
• Saya akan mendorong dan memberikan motivasi kepada sahabat untuk mencapai kejayaan.
• Saya akan menjaga hati dan perasan sahabat dan keluarganya.
• Saya akan berusaha untuk mempertahankan maruah sahabat.

Power KBAT

1. • Setuju
 - Sahabat berciri positif akan berfikir tentang kepentingan kita, manakala sahabat berciri negatif hanya mementingkan diri sendiri
 - Sahabat berciri positif akan menasihati kita jika melakukan kesalahan, manakala sahabat berciri negatif akan membiarkan kita terus melakukan kesalahan
 - Sahabat berciri positif mendorong kita untuk mencapai kejayaan yang menjamin masa depan, manakala sahabat berciri negatif mendorong kita melakukan perkara negatif yang menyebabkan masa depan yang gelap
 2. • Memahami amalan keagamaan dan kepercayaan sahabat pelbagai kaum
 - Menghormati dan menerima budaya yang diamalkan oleh sahabat pelbagai kaum
 - Sentiasa bertolak ansur terhadap sahabat pelbagai kaum dari aspek makanan, pakaian dan kepercayaan
 - Mengelakkan diri daripada menyenggung perasaan sahabat pelbagai kaum seperti menyentuh perkara-perkara sensitif
 3. Saya dapat menerima sahabat yang bersikap terus terang. Hal ini demikian kerana, kebenaran yang diberitahu adalah untuk membolehkan saya mengubah sikap dan mengelakkan diri saya daripada terus melakukan kesalahan.
- (Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Unit
8

Warga Prihatin Sekolah Sejahtera

Modul PBD

1. • Bersopan santun dan berbudi pekerti mulia
• Bekerjasama bagi menjayakan sesuatu aktiviti
• Saling menghormati antara satu sama lain
• Bersikap prihatin dan saling menyayangi antara warga sekolah
• Bertolak ansur untuk mewujudkan hubungan yang baik dengan semua warga sekolah
• Bertanggungjawab melaksanakan tugas dan kewajipan dengan sempurna
• Berdisiplin, beretika dan patuh kepada peraturan dan undang-undang sekolah
- (Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



2. (a) Menguatkuasakan peraturan dan undang-undang sekolah
- (b) Memantapkan kawalan keselamatan oleh pengawal sekolah
- (c) Memastikan kemudahan dan peralatan sekolah berfungsi dengan baik
- (d) Menyediakan suasana yang kondusif untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah
- (e) Memastikan maklumat yang hendak disampaikan kepada warga sekolah dapat diterima dengan jelas dan cepat
- (f) Memastikan persekitaran sekolah ceria, selesa, bersih dan cantik
- (g) Mewujudkan kerjasama yang erat antara warga sekolah
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

3. Disiplin:

- (a) Murid sentiasa mematuhi peraturan sekolah
- (b) Masalah disiplin dan salah laku dalam kalangan murid berkurangan

Pembelajaran dan pengajaran:

- (a) Proses pembelajaran berjalan lancar
- (b) Murid dapat belajar dengan berkesan

Kebersihan, kesihatan dan keselamatan:

- (a) Warga sekolah berasa gembira, selesa dan selamat
- (b) Sekolah berada dalam keadaan yang bersih dan ceria

Pencapaian sekolah:

- (a) Murid mendapat keputusan yang cemerlang dan membanggakan dalam peperiksaan
- (b) Pencapaian aktiviti kurikulum mengharumkan nama sekolah
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

4. (a) (i) Bertanggungjawab dalam hal pengurusan, pentadbiran dan kewangan sekolah
(ii) Memastikan guru menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik
- (b) (i) Memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar
(ii) Mengawal disiplin murid
- (c) (i) Belajar dengan bersungguh-sungguh dan memberikan tumpuan semasa guru mengajar
(ii) Sentiasa mematuhi peraturan sekolah yang telah ditetapkan
- (d) (i) Menjaga keceriaan kawasan sekolah
(ii) Memastikan persekitaran sekolah sentiasa bersih
- (e) (i) Menjaga keselamatan kawasan sekolah
(ii) Mengawal lalu lintas di hadapan sekolah untuk mengelakkan kemalangan
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

5. (a) Saya tidak akan menggunakan singki tersebut dan akan melaporkan hal tersebut kepada guru.
- (b) Saya akan menegur sikap rakan dan mengajak rakan melintas jalan raya menggunakan khidmat pengawal lalu lintas demi keselamatan.
- (c) Saya akan menyuruh murid itu mengutip sampah itu semula dan membuangnya ke dalam tong sampah.
- (d) Saya akan menyertai aktiviti tersebut dengan membawa barang-barang yang boleh dikitar semula ke sekolah.
- (e) Saya akan meminta maaf daripada guru disiplin dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan itu lagi.
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

6. (a) (i) Memadamkan api kebakaran yang berlaku di sekolah
(ii) Memantau keselamatan kawasan sekolah
(iii) Memberikan arahan kepada murid tentang perkara yang tidak boleh dilakukan

- (b) (i) Memasang alat penggera kebakaran
(ii) Membersihkan asrama/ longkang/ kawasan sekitar
(iii) Mengelat bangunan sekolah
(iv) Menanam pokok hiasan

7. Gembira kerana warga sekolah dapat hidup dengan selesa, selamat dan sejahtera.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

8. • Menyediakan alat kawalan kebakaran di kawasan sekolah seperti pili bomba dan alat pemadam api
- Menjaga pintu masuk sekolah dengan rapi pada setiap masa melalui khidmat pengawal keselamatan dan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV)
- Menyediakan pelan kecemasan seperti pelan larian ke padang dan pelan tangga kecemasan
- Mempamerkan papan tanda tentang amaran bahaya di kawasan sekolah seperti amaran petir di padang sekolah dan bahan berbahaya di makmal sekolah
- Meningkatkan tahap keselamatan di jalan-jalan berdekatan sekolah melalui kawalan trafik oleh pengawal keselamatan dan penyediaan lintasan belang

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Power KBAT

1. • Kurangnya didikan agama dan moral
• Mudah terpengaruh oleh rakan-rakan
• Kurangnya kasih sayang daripada ibu bapa
• Ibu bapa mengabaikan anak-anak akibat sibuk mencari rezeki
2. • Mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa untuk membincangkan masalah disiplin yang dilakukan oleh murid
• Mengenakan hukuman yang lebih berat seperti hukuman gantung sekolah
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Unit 9 Keselamatan Tempat Tinggal Tanggungjawab Bersama

Modul PBD

1. • Ragut
• Peras ugut
• Penculikan
• Rompakan
• Pecah rumah
• Rogol
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
2. • Mengurangkan gejala sosial
• Menjamin keselamatan penduduk
• Dapat hidup dengan sejahtera dan bahagia
• Menimbulkan perasaan gembira, tenang dan tidak bimbang
• Memelihara keselamatan harta benda dan kawasan kediaman
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
3. (a) Sentiasa mengunci pagar dan pintu rumah
(b) Sentiasa berhati-hati dan peka terhadap keadaan persekitaran
(c) Melaporkan kejadian yang mencurigakan kepada ibu bapa atau jiran dengan segera
(d) Membersihkan kawasan semak samun agar tidak menjadi tempat persembunyian penjenayah

- (e) Mengelakkan diri daripada mempercayai kata-kata orang yang tidak dikenali
 - (f) Memasang peralatan seperti kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan rumah
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
4. • Rasa selamat
- Tenang dan tidak bimbang
 - Keselamatan diri dan keluarga terjamin
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
5. (a) Saya akan membuat laporan polis tentang ugutan dan tindakan ganas yang dilakukan oleh along.
- (b) Saya akan memberitahu ibu bapa saya dan melaporkan kejadian tersebut kepada pihak polis dengan segera.
- (c) Saya akan mencatatkan nombor plat kenderaan itu dan memberitahu jiran-jiran lain agar dapat bekerjasama bagi menyelamatkan anak jiran saya.
- (d) Saya akan menjerit untuk mendapatkan pertolongan daripada jiran-jiran lain bagi menangkap peragut itu.
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
6. Ya. Saya merupakan seorang penduduk yang aktif dalam menjaga keselamatan di kawasan kediaman.
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Power KBAT

1. • Semasa penghuni tidak berada di rumah
 - Terdapat kecuaian penghuni dalam menjaga keselamatan rumah
2. • Memberitahu pengguna lain di media sosial bahawa diri tidak akan berada di rumah selama beberapa hari
 - Meninggalkan kawasan rumah dalam keadaan gelap-gelita
 - Kurang ciri keselamatan di kawasan rumah
3. • Mengunci semua pintu dan tingkap semasa meninggalkan rumah
 - Memaklumkan kepada jiran sekiranya meninggalkan rumah atau bercuti
 - Tidak meninggalkan sebarang tanda yang menunjukkan penghuni tidak berada di rumah
 - Menyalakan lampu sekiranya meninggalkan rumah pada waktu malam
4. • Pengawal keselamatan
 - Skim Rondaan Sukarela (SRS)

Unit
10

Kemudahan Awam Dijaga Bersama

Modul PBD

1. (a) Memudahkan masyarakat mendapat pelbagai bahan bacaan dan membuat rujukan
- (b) Tempat masyarakat terutamanya kanak-kanak beriadah
- (c) Memudahkan masyarakat mengadakan aktiviti kemasyarakatan
- (d) Memudahkan pergerakan masyarakat ke sesuatu destinasi
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)
2. (a) Pengaruh rakan sebaya
- (b) Sikap tidak ambil peduli masyarakat
- (c) Kurang didikan agama dan moral
- (d) Sebagai cara meluahkan perasaan tidak berpuas hati
- (e) Kurang pemantauan daripada pihak yang bertanggungjawab

- (f) Mencacatkan pemandangan
- (g) Menimbulkan pelbagai kesulitan kepada masyarakat
- (h) Meningkatkan kos pembaikan oleh kerajaan
- (i) Imej dan nama baik negara terjejas
- (j) Merugikan wang negara yang sepatutnya digunakan untuk tujuan pembangunan
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

3. • Kecewa dengan sikap segelintir masyarakat yang tidak mengamalkan nilai bertanggungjawab
- Marah dan sedih kerana masyarakat tidak menghargai kemudahan yang disediakan kepada mereka
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

4. (a) menghargai
- (b) mengadakan
 - (c) membanteras
 - (d) mengikut
 - (e) menerapkan
 - (f) melaporkan
 - (g) menconteng
 - (h) membuat
 - (i) mengepam
 - (j) menjaga
 - (k) memberikan

5. (a) **Cara menjaga:**

Mengepam air selepas menggunakan tandas awam

Kepentingan menjaga:

Mengelakkan bau yang tidak menyenangkan

(b) **Cara menjaga:**

Tidak memutuskan gagang telefon awam

Kepentingan menjaga:

Memastikan pengguna lain dapat menggunakaninya untuk membuat panggilan kecemasan

(c) **Cara menjaga:**

Tidak menconteng dinding atau merosakkan tempat duduk perhentian bas

Kepentingan menjaga:

Pengguna dapat menggunakan pondok perhentian bas dengan selesa

(d) **Cara menjaga:**

